

19 SEP 1998

Najib-DAP

ANWAR MENGHIRIS PERASAAN ORANG MELAYU

BALING, 19 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perbuatan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bersekongkol dengan DAP telah menghiris hati orang Melayu dan perbuatan itu sukar dimaafkan.

"Perbuatan menyokong DAP, yang ditolak oleh orang Melayu kerana dasar perjuangannya, sudah tentu tidak boleh diterima dan dimaafkan oleh mereka," katanya.

"Perbuatan itu menimbulkan tanda tanya tentang motif Anwar kerana beliau selama ini mendakwa mendokong perjuangan Umno tetapi kini beliau bersahabat dengan parti yang lantang menentang perjuangan Umno," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan ibu bapa pelajar Sekolah Menengah Agama Raudzatul Atfal di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, dalam apa jua keadaan yang dihadapi oleh Anwar, beliau seharusnya tidak bekerjasama dengan DAP.

Anwar jelas terdesak untuk mendapatkan simpati sehingga sanggup muncul di forum DAP dan menyatakan sokongan terhadap parti itu dan menandatangani memorandum bagi menyokong pengampunan Lim Guan Eng yang sedang menghadapi hukuman penjara 18 bulan, katanya.

"Beliau tidak sepatutnya meletakkan kepentingan peribadi lebih utama daripada perasaan orang Melayu," katanya.

Mengulas perlantikan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno, Najib berkata beliau terharu atas kepercayaan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantiknya memegang jawatan itu.

Semalam Dr Mahathir mengumumkan Najib dan seorang lagi Naib Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengerusi jawatankuasa itu menggantikan Anwar.

"Saya berharap dapat membantu presiden menguruskan parti dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi sekarang ini," katanya.

-- BERNAMA

MZM PR